

# BN akan nilai keikhlasan PBS sebelum diterima — PM

UM 15 NOV 2001

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 14 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) akan menilai keikhlasan Parti Bersatu Sabah (PBS) sebelum menerima semula parti itu menyertai gabungan berkeajaan.

Walaupun Perdana Menteri menyifatkan hasrat PBS itu merupakan satu perkembangan baik, beliau selaku Pengerusi BN membayangkan pihaknya akan lebih berhati-hati kerana tidak mahu 'pisang berbuah dua kali'.

"Saya fikir adalah baik menerima mereka, lebih ramai lebih memah. Tetapi sudah tentu kita perlu mengkaji rekod, keikhlasan dan semuanya.

"Kita tidak mahu melihat pepatah Melayu 'pisang berbuah dua kali' berlaku dalam hal ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa menghadiri

ri rumah terbuka Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu sempena perayaan Deepavali di Sekolah Mcnengah Chung Hwa di sini hari ini.

Beliau mengulas mesyuarat Majlis Tertinggi PBS malam tadi yang memutuskan persetujuan parti itu untuk menyertai semula BN selepas 11 tahun meninggalkannya.

## ● Lagi komen pemimpin BN — Muka 4

Presiden PBS, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan dilaporkan berkata, langkah untuk memohon menyertai RN dibuat setelah mengambil kira pandangan perwakilan semasa Kongres PBS ke-16 di Penampang, Sabah.

PBS keluar BN beberapa hari sebelum pilihan raya umum Oktober 1990 kerana condong kepada parti pembangkang Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Parti itu berjaya membentuk kerajaan di Sabah selama sepenggal.

Mengulas pendiriannya pada masa itu untuk tidak menerima semula PBS ekoran tindakan parti berkenaan yang dianggap 'menikam BN dari belakang', Dr. Mahathir berkata:

"Semasa saya membuat kenyataan itu, tentu anda masih ingat yang saya juga pernah mengatakan tidak mungkin menerima Tengku Razaleigh, dan kini beliau bersama kita (UMNO)."

"Saya seorang yang sangat pe-  
maaf," katanya.

Mengenai penentangan PBS terhadap sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah, Dr. Mahathir berkata, pendirian parti itu memang sudah diketahui umum tetapi dalam hal ini, sebenarnya terpulung kepada rakyat Sabah untuk memikirkan apa yang baik untuk mereka.

Menurutnya, kerajaan hanya menyediakan satu formula dan berharap ia membawa kebaikan kepada rakyat negeri itu.

Ditanya adakah beliau melihat PBS akan turut serta bersa-

ma BN dalam sambutan Hari Deepavali tahun depan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak menolak kemungkinan itu.

Bagaimanapun Dr. Mahathir berkata, sebenarnya sudah menjadi cara hidup rakyat Malaysia sesuatu perayaan termasuk Deepavali dan Hari Raya disambut oleh setiap lapisan rakyat daripada berbilang kaum.

Malah, menurutnya, pemimpin parti-parti pembangkang juga biasa menghadiri rumah terbuka yang dianjurkan oleh pemimpin kerajaan.

Bagi Perdana Menteri, suasana muhibah di sini yang tidak mungkin berlaku di negara lain, merupakan nilai yang patut dihargai oleh rakyat.

Beberapa pemimpin tertinggi kerajaan turut menyertai masyarakat daripada pelbagai kaum menghadiri rumah terbuka Samy Vellu itu.

Mereka yang hadir termasuk Timbalan Perdana Menteri. Da-

■ Lihat muka 4

# BN akan nilai keikhlasan PBS sebelum diterima — PM

UM 15 NOV 2001

tuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik, Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng serta diplomat asing.

Perdana Menteri yang turut ditanya mengenai kemelut kepimpinan MCA menyifatkannya sebagai masalah dalaman parti itu.

Beliau mengakui masalah itu agak sukar diselesaikan tetapi enggan mengulas lanjut kerana tidak mahu menyinggung perasaan mana-mana pihak.

Dr. Mahathir bagaimanapun percaya kemelut yang melanda parti itu tidak akan menjejaskan sokongan masyarakat Cina terhadap BN.

Perdana Menteri sebaliknya menasihati media agar tidak melagakan pemimpin MCA dengan melaporkan kenyataan berasingan mereka sehingga mengeruhkan keadaan.

"Saya lihat mereka (pemimpin-pemimpin MCA) hadir di sini hari ini dan semuanya kelihatan baik," katanya.